

PEKELILING
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN JOHOR
BIL: 2 TAHUN 2017

KENAIKAN KADAR WANG SUMBANGAN PERPARITAN NEGERI JOHOR BAGI
KELULUSAN SERAHBALIK KURNIA SEMULA

1. TUJUAN

Pekeling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan mengenai kadar Wang Sumbangan Perparitan Negeri Johor bagi kelulusan Serahbalik Kurnia Semula oleh Pemaju-pemaju perumahan/perindustrian di dalam negeri Johor.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Terdahulu daripada itu, perkara berkaitan Pekeling PTG Johor Bil 1/76 tiap-tiap rancangan perumahan yang mempunyai kawasan 1 ekar atau lebih, atau pun rancangan perumahan yang mempunyai 5 plot bangunan atau lebih, yang dirancang untuk dijual atau bukan untuk dibahagikan kepada keluarga adalah dikenakan bayaran sumbangan saliran RM2,000.00 pada tiap-tiap seekar. Bagi kawasan yang kurang daripada 1 ekar tetapi mengandungi 5 buah buah rumah untuk dijual, bayaran sumbangan hendaklah dikiraRM2,000.00 (minima).
- 2.2 Tujuan wang sumbangan perparitan ini ialah untuk membiayai sebarang pembaikan yang mungkin menjadi perlu untuk penyelenggaraan sistem saliran yang besar berikut dari pembangunan dalam kawasan tadahan yang sama serta kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran, kejuruteraan sungai, tebatan banjir dan kerja-kerja lain yang berkaitan.
- 2.3 Bagi memastikan wang sumbangan perparitan yang dikenakan dapat menampung kenaikan kos dan pertambahan bilangan projek menaiktaraf sistem saliran dan sungai di negeri Johor akibat pembangunan pesat, maka kadar sumbangan perparitan perlu dinaikkan ke jumlah yang lebih munasabah iaitu kepada RM5,000.00 seekar sepertimana yang telah dilaksanakan di negeri-negeri lain.

- 2.4 Kadar wang sumbangan perparitan tidak pernah dinaikkan sejak tahun 1976 sebagaimana negeri-negeri lain. Tambahan pula , wang sumbangan perparitan bagi negeri Johor adalah pada tahap yang rendah berbanding dengan negeri-negeri seangkatan yang pesat membangun seperti di Selagor dan Pulau Pinang.
- 2.5 Kadar pembangunan yang pesat terutama dikawasan Iskandar Malaysia dan juga beberapa daerah lain seperti Batu Pahat, Muar, Kota Tinggi dan Segamat akan meningkat kadar air larian hujan turun ke sistem sungai yang sememangnya telah mencapai tahap maksima dan tidak boleh lagi menampung pertambahan air larian. Kerja pengorekan yang lebih kerap perlu dilaksanakan. Fenomena perubahan cuaca yang eskrem juga menyebabkan kejadian banjir bertambah luas dan lebih kerap serta bilangan tempat dilanda banjir kilat juga bertambah.

3. KETETAPAN PIHAK BERKUASA NEGERI

3.1 Setelah membuat perbandingan dengan kadar wang sumbangan perparitan negeri-negeri dan berdasarkan kerja-kerja penyelenggaraan semasa dan kerja-kerja menaik taraf sistem saliran dan sungai semasa yang dikeluarkan oleh Bahagian Ukur Bahan Jabatan Pengairan Saliran Malaysia, Pihak Berkuasa Negeri melalui Ringkasan Mesyuarat Kerajaan Johor Bil. 1864/2015 bertarikh 4.11.2015 telah bersetuju bagi kenaikan kadar baru sumbangan perparitan negeri Johor adalah sebagaimana berikut:

- i) Kawasan Majlis Bandaraya
dan Perbandaran - RM10,000.00 seekar
- ii) Kawasan Majlis Daerah - RM 5,000.00 seekar

3.2 Bayaran sumbangan perparitan ini hendaklah terus dijadikan hasil negeri (credited to revenue) dimana bayaran akan ditunjukkan dengan jelas di dalam Notis 5A.

- 3.3 Membatalkan klausu (ii) dalam Pekeliling PTG Johor Bil. 1/76 dan klausu 5 (a)(3) dan (b)(3) dalam Pekeliling PTG Johor Bil 1/81 dengan menggantikan kadar baru sumbangan perparitan negeri Johor sebagaimana berikut:
- | | | |
|--|---|--------------------|
| i) Kawasan Majlis Bandaraya
dan Perbandaran | - | RM10,000.00 seekar |
| ii) Kawasan Majlis Daerah | - | RM 5,000.00 seekar |

4. PEMAKAIAN

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini maka Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah boleh terus melaksanakan tuntutan kepada pemaju-pemaju perumahan yang terlibat berdasarkan sepertimana yang telah ditetapkan.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini hendaklah dilaksanakan pemakaiannya serta merta dan akan terus berkuatkuasa sehingga ada satu arahan lain yang akan mengatasinya kelak.



(HAJI MOHD HALIM BIN HASBULLAH)
Pengarah,
Tanah dan Galian Johor.

Tarikh: 25 Mei 2017

Rujukan fail: PTG 48/73-32

Disediakan oleh: Bahagian Pembangunan,
PTG JOHOR

HMHH/HAHA /Umi